

# Inovasi baharu tambah baik pemberian bantuan

**Putrajaya:** Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mahu pelaksanaan teknologi pembayaran tanpa tunai seperti yang digunakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) MyKasih dapat dikaji bagi membantu mempercepat pemberian bantuan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau mahu proses pemberian bantuan kepada golongan sasar ditambah baik menerusi inovasi baharu yang mampu mempercepatkan proses sekali gus membantu dalam pengurangan kos.

## Kaji pelaksanaan

“Saya sudah meminta Ketua Setiausaha kementerian (Datuk Dr Rose Lena Lazemi) untuk mengkaji pelaksanaan teknologi pembayaran tanpa tunai yang digunakan oleh MyKasih.

“Saya sangat berharap ia akan menjadi satu proses inovasi untuk mempercepatkan pemberian bantuan dan mengurangkan kos.

“Jangan terkongkong dengan proses dan templat sedia ada. Gu-

nakan segala daya kreatif untuk mewujudkan proses yang menyenangkan pengguna perkhidmatan kita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di kementeriannya di sini, semalam.

Dr Wan Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut melancarkan Kafe Daya, iaitu sebuah kafe yang dikendalikan oleh pekerja kurang upaya yang ditempatkan di kementerian itu.

Selain itu beliau berkata, inovasi proses adalah sebahagian usaha bagi memastikan pengurusan perbelanjaan kerajaan yang berhemah.

“Kita semua sedia maklum negara kini dibebankan dengan hutang yang besar dan saya berpandangan perbelanjaan berhemah dibentuk bersandarkan tiga asas iaitu integriti, sikap bercermat dan inovasi proses,” katanya.



**Dr Wan Azizah ketika merasmikan Daya Cafe selepas majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Putrajaya, semalam.**

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]